



SIARAN MEDIA

KPKT SARAN PBT KURANGKAN SEWAAN PREMIS, RINGANKAN BEBAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

PUTRAJAYA, 13 MEI 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini menyarankan semua **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara agar mempertimbangkan insentif kepada peniaga kecil seperti pengurangan kadar sewaan premis perniagaan, gerai dan medan selera di bawah seliaan masing-masing** sehingga penghujung tahun 2026.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming berkata, “saranan tersebut merupakan kesinambungan kepada usaha proaktif Kerajaan MADANI dalam memelihara kebajikan rakyat serta membantu komuniti penjaja dan peniaga kecil yang berdepan peningkatan kos operasi ketika ini”.

Menurut beliau, KPKT turut **menyambut baik cadangan yang dikemukakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) agar PBT membantu peniaga yang menyewa di premis atau kedai di bawah seliaan masing-masing melalui cadangan insentif yang wajar** sebagai langkah segera membantu rakyat.

“Langkah strategik ini bertujuan untuk meringankan beban kos operasi yang ditanggung oleh penjaja dan peniaga kecil tempatan, sekali gus memangkin pertumbuhan ekonomi di peringkat akar umbi,” katanya.

Beliau berkata, inisiatif tersebut juga mampu membantu memastikan kesinambungan operasi perniagaan, mengekalkan peluang pekerjaan serta mengukuhkan daya tahan ekonomi komuniti setempat. “Dengan memberikan pengurangan sewa ini, kita bukan sahaja membantu kelangsungan hidup peniaga kecil, malah turut membantu memastikan kestabilan harga barangan dan perkhidmatan untuk pengguna,” tambah beliau.

KPKT turut menghargai tindakan proaktif beberapa PBT termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang telah mengumumkan pengurangan kadar sewaan sehingga 50 peratus melibatkan premis dan gerai tertentu di bawah seliaannya. Menurut beliau lagi, inisiatif pengurangan sewaan ini melengkapkan pelbagai usaha berterusan Kerajaan MADANI dalam membantu rakyat dan komuniti peniaga kecil termasuk pelaksanaan program bantuan keusahawanan, penyediaan kemudahan perniagaan yang lebih kondusif, penaiktarafan medan selera dan pasar awam serta pelaksanaan inisiatif seperti MyKiosk bagi membantu penjaja menjalankan perniagaan secara lebih teratur, selamat dan selesa.

Selain itu, Kerajaan MADANI turut melaksanakan pelbagai pendekatan bagi menangani kos sara hidup rakyat antaranya melalui pelaksanaan Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Program Sumbangan Asas Rahmah (SARA), serta inisiatif BUDI MADANI termasuk BUDI Diesel dan BUDI95 bagi memastikan bantuan dan subsidi bersasar dapat disalurkan kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

“Kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan MADANI. Kita mahu memastikan tiada golongan yang tercicir daripada arus pembangunan negara serta terus menikmati manfaat daripada pertumbuhan ekonomi negara,” katanya.

Sehubungan itu, KPKT akan terus bekerjasama rapat dengan semua PBT di seluruh negara bagi meneliti kaedah pelaksanaan yang bersesuaian mengikut kemampuan kewangan dan keperluan setempat demi memastikan kesejahteraan rakyat serta kelangsungan ekosistem ekonomi bandar terus diperkukuh.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my